

Newspaper	Berita Harian
Date	25/7/2013

RM500 bantuan khas raya

BH - 25/7/2013

» Peruntukan RM835j kepada penjawat awam dibayar akhir bulan

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM500 untuk persiapan Aidilfitri kepada penjawat awam bagi Gred 1 hingga Gred 54.

Perdana Menteri turut mengumumkan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM250 kepada 660,000 pesara kerajaan bagi menghargai jasa bakti mereka.

Bantuan kewangan yang akan dibayar pada 31 Julai ini membabitkan peruntukan kewangan RM835 juta.

Nikmati dua KGT

Najib berkata, di samping bayaran bantuan khas itu, penjawat awam menikmati dua Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada tahun ini yang akan diterima hari ini.

"Ia adalah kenaikan gaji tahunan biasa dan pemberian faedah pemindahan gaji yang diawalkan bersamaan amaun 1KGT mengikut gred gaji masing-masing yang akan diterima esok (hari ini) seperti yang saya umum dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam

(MAPPA) Ke-13 lalu," katanya.

Najib berkata, langkah itu berikutan kajian penambahbaikan skim perkhidmatan dan pembetulan struktur gaji yang akan diselesaikan pada Disember ini dalam Sistem Saaran Transformatif.

Katanya, pembayaran KGT membabitkan peruntukan kewangan RM1.3 bilion bagi 1.4 juta penjawat awam bagi tempoh enam bulan atau RM3.9 bilion setahun.

Najib juga berkata, kerajaan memperuntukkan RM4.7 bilion bagi pembayaran KGT dan Bayaran Bantuan Khas Kerajaan bagi penjawat awam dan pesara untuk membantu meringankan beban kewangan bagi persiapan Aidilfitri.

Sementara itu, KGT dua kali memberikan faedah berterusan kepada penjawat awam

sepanjang tempoh perkhidmatan dan selepas bersara.

Pemberian KGT dua kali membolehkan penjawat awam menerima lebih pendapatan bulanan serta menambah pencen maksimum dan ganjaran yang diterima apabila pencen.

Menurut carta Bahagian Pasca Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam, dengan adanya KGT dua kali, seorang Pembantu Am Pejabat Gred N11 misalnya akan mendapat tambahan pencen bulanan sebanyak RM96 dan tambahan ganjaran RM4,320, menjadikan gaji pokok maksimum RM2,137.74, ganjaran RM57,718.98 dan pencen bulanan RM1,282.64.

Jika tanpa pemberian KGT dua kali, penjawat awam berkenaan hanya memperoleh gaji pokok maksimum

RM1,977.74 sebulan dengan ganjaran RM53,398.98 dan pencen bulanan RM1,186.64.

Tambahan pencen bulanan

Faedah persaraan itu adalah bagi pegawai yang mempunyai tempoh perkhidmatan 30 tahun (360 bulan) untuk melayakkannya mendapat ganjaran dan pencen penuh.

Dengan adanya dua KGT, tambahan pencen bulanan bagi Pembantu Tadbir (N17) pula ialah RM114, Penolong Pegawai Tadbir (N27) RM174, dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M54) RM384.

Dari segi ganjaran pula, tambahan yang akan diperoleh oleh Pembantu Tadbir ialah RM5,130, Penolong Pegawai Tadbir RM7,831 dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik RM17,280.

BERNAMA

INFO

Perbandingan faedah persaraan pegawai yang mempunyai perkhidmatan 360 bulan (Gaji Akhir Maksimum Berbanding Gaji Akhir Selepas Dua Kenaikan Gaji Tahunan (KGT))

GRED PEGAWAI	A GAJI POKOK (Maksimum) 1.1.2012 (sebelum 2 KGT) (RM)	B GANJARAN (Sekali gus) (RM)	C PENCEN MAKSIMUM (Sebulan) (RM)	D GAJI POKOK Selepas 2 KGT (Jan & Julai 2013) (RM)	E GANJARAN Selepas 2 KGT (Sekali gus) (RM)	F PENCEN Selepas 2 KGT (Sebulan) (RM)	G PERBEZAAN GANJARAN (E tolak B) (RM)	H PERBEZAAN PENCEN (Sebulan) (F tolak C) (RM)
M54 Pegawai Tadbir & Diplomatik	7,727.89	208,653.03	4,636.73	8,367.89	225,933.03	5,020.73	17,280.00	384.00
N27 Penolong Pegawai Tadbir	3,420.62	92,356.74	2,052.37	3,710.62	100,187.74	2,226.37	7,831.00	174.00
N17 Pembantu Tadbir	2,431.03	65,637.81	1,458.61	2,621.03	70,767.81	1,572.61	5,130.00	114.00
N11 Pembantu Am Pejabat	1,977.74	53,398.98	1,186.64	2,137.74	57,718.98	1,282.64	4,320.00	96.00